



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# GARIS PANDUAN

## PELAKSANAAN DASAR INKLUSIF ORANG KURANG UPAYA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI



# ISI KANDUNGAN

1	Kata Alu-aluan YB Menteri Pendidikan Malaysia	i
2	Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi	iv
3	Prakata	v
4	Pengenalan	1
5	Tujuan	4
6	Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)	6
	➤ Kurang Upaya Pendengaran	8
	➤ Kurang Upaya Penglihatan	8
	➤ Kurang Upaya Fizikal	9
	➤ Masalah Pembelajaran	9
	➤ Kurang Upaya Pertuturan	9
	➤ Kurang Upaya Mental	9
	➤ Kurang Upaya Pelbagai	10
7	Halangan Terhadap Pendidikan Inklusif ( <i>Barriers for Inclusive Education</i> )	11
	➤ Halangan Sikap	12
	➤ Halangan Fizikal	12
	➤ Halangan Komunikasi	13
	➤ Halangan Sistemik/ Organisasi	13
8	Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya ( <i>Disability Inclusion Policy</i> )	14
	➤ Perancangan Strategik	16
	➤ Unit Perkhidmatan OKU	16
	➤ Persekitaran	18
	➤ Alat Sokongan Peralatan	21
	➤ Keselamatan OKU Dalam Situasi Kecemasan	21
	➤ Kaunseling dan Emosi OKU	21
	➤ Pembangunan Industri, Peluang Pekerjaan dan Latihan Praktikal	22
	➤ Kesihatan & Sokongan Sosial	22
	➤ Kesukarelawanan	22
9	Penutup	23
10	Lampiran 1	25

**KATA ALU-ALUAN**  
**MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Segala pujian kehadiran Ilahi kerana berkat dan limpah kurniaNya penerbitan *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi* telah dapat direalisasikan dengan jayanya.



Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dari pelbagai kategori di universiti tempatan dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) ke atas inisiatif menerbitkan Garis Panduan ini.

Seperti yang sering saya nyatakan, masyarakat penyayang, harmoni dan bersatu bermula dengan institusi pendidikan yang berteraskan nilai-nilai murni. Kita memiliki hasrat besar membentuk sebuah sistem pendidikan yang mampu melahirkan insan yang berpegang teguh kepada nilai kasih sayang, kegembiraan dan hormat menghormati. Melalui nilai-nilai seperti ini, kita mampu membentuk sebuah budaya pendidikan inklusif dan tidak meminggirkan mana-mana golongan termasuk OKU.

Tanggungjawab terhadap OKU merupakan tanggungjawab semua dan bukan hanya tergalas di bahu KPM semata-mata. Setiap daripada kita yang terlibat dalam sistem ini termasuk pengurusan tertinggi, pentadbir, tenaga pengajar, pelajar dan kakitangan sokongan di setiap peringkat wajar memastikan hak-hak OKU sentiasa terpelihara.

Mulai tahun ini, Kementerian telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan (*Zero-reject Policy*) secara menyeluruh bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK). Ini bagi memastikan tiada murid dalam kalangan OKU yang dinafikan hak mereka untuk memasuki alam persekolahan. Sebagai kesinambungan, Dasar Inklusif OKU juga akan dilaksanakan dan diberi keutamaan di semua institusi pendidikan tinggi bagi memastikan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan yang berterusan dapat diberikan kepada pelajar-pelajar OKU yang berjaya mendapat tempat di Universiti Awam dan Swasta.

*Garis Panduan* yang telah dihasilkan ini bertujuan untuk membantu setiap institusi pendidikan tinggi melaksanakan Dasar Inklusif OKU di institusi masing-masing secara komprehensif dan holistik. Ia memerlukan perubahan minda yang menyeluruh bagi meruntuhkan stigma, salah

faham, dan tiada empati dalam kalangan warga bukan OKU terhadap golongan OKU. Ini yang dipanggil halangan sikap, dan halangan ini perlu ditangani dengan sebaiknya bagi memastikan halangan-halangan lain dapat diatasi.

Halangan-halangan lain yang dimaksudkan termasuklah halangan fizikal (infrastruktur kurang mesra OKU), halangan maklumat (bahan bacaan dan pembelajaran tidak di dalam format yang boleh diakses lazimnya oleh OKU penglihatan, pendengaran dan pembelajaran) dan halangan sistem (peraturan dan syarat-syarat sedia ada yang mendiskriminasi golongan OKU).

Bagi menghapuskan halangan-halangan ini, pihak institusi pendidikan tinggi perlu menyediakan pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang bagi memastikan sasaran halangan sifar (*zero barrier*) dapat dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Sementara halangan sifar belum tercapai, penyesuaian munasabah perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar, kakitangan dan warga OKU yang lain dapat mengikuti pengajian atau melaksanakan tugas mereka dengan selamat dan selesa, seiring dengan rakan-rakan bukan OKU mereka yang lain.

Kita tidak mahu ada lagi kes di mana pelajar yang layak tidak diterima masuk ke institusi pendidikan tinggi hanya kerana tiada kemudahan disediakan. Dengan adanya Dasar Inklusif OKU ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap institusi untuk memenuhi keperluan pelajar berkenaan.

Setakat ini beberapa universiti awam dan swasta telah menggubal dan melaksanakan Dasar Inklusif OKU di institusi masing-masing. Tahniah saya ucapkan kepada mereka.

Universiti-universiti ini juga telah menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU yang memberi khidmat sokongan khusus kepada pelajar dan kakitangan OKU di institusi berkenaan. Penubuhan Unit ini merupakan suatu *best practice* yang sebenarnya telah lama dilaksanakan di universiti-universiti ternama di negara maju sejak berpuluh tahun lalu.

Dengan adanya *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi* ini, semua universiti awam wajib melaksanakan Dasar Inklusif OKU dan menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU yang berasingan dari Unit Kebajikan. Sementara itu, universiti swasta pula amat digalakkan untuk turut serta dalam usaha ini, bukan sahaja atas dasar empati tetapi juga atas dasar menghormati hak sesama manusia.

Kecemerlangan akademik semata-mata tidak bermakna jika ia tidak dapat menyelesaikan permasalahan manusia. Golongan OKU telah lama terpinggir dan mengalami kesusahan demi kesusahan di tanah air mereka sendiri secara kita sedari atau tanpa kita sedari. Dengan pelaksanaan Dasar Inklusif OKU ini secara telus dan tulus, institusi pendidikan tinggi bukan

sahaja akan dilihat sebagai pusat kecemerlangan akademik, tetapi juga sebagai penyelesaian masalah dan pemangkin bagi pembudayaan nilai-nilai murni sesama insan.

Marilah kita sama-sama memberikan bantuan dan sokongan sewajarnya kepada mereka yang memerlukan. Marilah kita sama-sama merebut peluang ini untuk melakukan perubahan.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Garis Panduan ini. Sekalung penghargaan juga kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah bekerja keras bagi menjayakan Majlis Pelancaran Garis Panduan ini.

YB Dr. Maszlee Malik  
Menteri Pendidikan Malaysia



**KATA ALU-ALUAN**  
**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera

*Alhamdulillah*, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, penerbitan *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi* telah dapat disempurnakan. Garis panduan ini adalah suatu inisiatif positif selaras dengan kepentingan Pendidikan Inklusif yang ditekankan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025 dan 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Ianya adalah lanjutan dari *Pelan Tindakan bagi Meningkatkan Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Kurang Upaya di IPTA (2012)*. Langkah untuk memperhalusi dan memurnikan lagi pelan tindakan tersebut untuk dijadikan sebagai suatu garis panduan pendidikan inklusif di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) membuktikan komitmen negara terhadap pelaksanaan Pendidikan Inklusif bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di IPT. Pelaksanaan dasar pendidikan inklusif ini membawa manfaat kepada bukan sahaja pelajar OKU dalam mendapatkan pendidikan, tetapi juga kepada pelajar bukan OKU serta warga IPT secara keseluruhan. Penghasilan *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi* ini akan membantu dan memberi panduan kepada pihak IPT untuk menyediakan perancangan strategik bagi mencapai matlamat dan objektif Pendidikan Inklusif. Adalah diharapkan dengan penerbitan garis panduan ini, persekitaran proses pengajaran dan pembelajaran di IPT akan menjadi lebih kondusif kepada semua kategori ketidakupayaan serta dapat melahirkan budaya komuniti yang lebih prihatin dan peduli terhadap OKU dikalangan warga IPT dan juga masyarakat setempat.

Saya amat yakin bahawa dengan terhasilnya garis panduan ini, dapat memastikan keperluan warga OKU di IPT lebih terpelihara. Ini adalah penting dalam usaha untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi, terutama di era IR4.0 ini. Terima kasih juga kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan GENIUS Kurnia atas kerjasama yang diberikan sepanjang penyediaan garis panduan ini. Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa kerja Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), mahasiswa OKU dari pelbagai kategori di universiti tempatan, serta Jabatan Pendidikan Tinggi di atas usaha murni ini.

YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PRAKATA

*Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi* (Garis Panduan) ini telah di sediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkasakan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan secara berterusan kepada pelajar-pelajar OKU yang meneruskan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta. Garis Panduan yang telah digarap diharap ianya dapat memberi panduan kepada setiap institusi pendidikan tinggi untuk melaksana dan menyelaras Dasar Inklusif OKU di institusi masing-masing secara cekap dan mampan bagi mencapai objektif dasar ini.

Garis Panduan ini memberi penekanan kepada penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar OKU serta kemudahan infrastruktur mesra OKU yang baik dan selesa di IPT. Garis Panduan ini selaras dengan amalan terbaik pendidikan inklusif bertaraf antarabangsa yang telah dilaksanakan di beberapa IPT di luar negara.

Garis Panduan ini turut menggariskan beberapa aspek halangan yang perlu diatasi bagi melaksanakan Dasar Inklusif OKU di IPT. Halangan-halangan ini merangkumi halangan fizikal, informasi/komunikasi, halangan sistemik/organisasi dan halangan sikap. Oleh itu pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT perlu mengambilkira langkah-langkah penyelesaian terhadap halangan-halangan tersebut supaya matlamat mengiktiraf hak pendidikan untuk OKU tercapai.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan 2018-2020, Jawatankuasa Kerja *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU*, penyertaan pelbagai kategori mahasiswa OKU dari IPT awam dan swasta tempatan yang terlibat dan juga Jabatan Pendidikan Tinggi di atas segala usaha untuk menerbitkan Garis Panduan ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia

# PENGENALAN





## LATAR BELAKANG

Pendidikan merupakan satu sektor yang diberi keutamaan yang tinggi dari segi peruntukan sejak negara mencapai kemerdekaan. Sebagai sebuah negara yang memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyatnya dan mengiktiraf hak pendidikan untuk OKU, Malaysia telah menerima dan menggunakan *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* pada tahun 1994. Di samping itu, Malaysia juga telah menandatangani *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD)* pada 8 April 2008 dan mengesahkannya pada 19 Julai 2010. Malaysia juga telah menggubal dan seterusnya memperkenalkan *Akta Orang Kurang Upaya* pada tahun 2008.

Komitmen negara untuk memberi ruang pendidikan kepada golongan OKU dapat dilihat melalui pelaksanaan Pendidikan Inklusif. Sehingga kini, golongan OKU telah diberi peluang mendapat pendidikan daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Sepertimana kita sedia maklum, pelaksanaan dasar pendidikan inklusif bertujuan menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar-pelajar lain. Dasar ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pelajar OKU malahan kepada pelajar-pelajar lain juga. Penekanan Pendidikan Inklusif di peringkat sekolah boleh dilihat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025. Namun demikian, di peringkat pengajian tinggi, keperluan pelajar berkeperluan khas tidak diberi penekanan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Bagi menentukan amalan terbaik pendidikan inklusif bertaraf antarabangsa dilaksanakan di peringkat universiti, pada tahun 2012 Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengeluarkan arahan Pelaksanaan Pelan Tindakan untuk Meningkatkan Pengajaran dan

- ❖ Malaysia telah menerima dan menggunakan *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* pada tahun 1994
- ❖ Malaysia juga telah menandatangani *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD)* pada 8 April 2008 dan mengesahkannya pada 19 Julai 2010.
- ❖ Malaysia juga telah menggubal dan seterusnya memperkenalkan *Akta Orang Kurang Upaya* pada tahun 2008.

Pembelajaran untuk Pelajar Kurang Upaya di semua Universiti Awam (Ruj: JPT (BHEPP) 1000/08/03 (18) bertarikh 8 Mei 2012). Meskipun beberapa langkah telah diambil, namun pencapaian Pendidikan Inklusif di peringkat IPT masih belum boleh dibanggakan.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Dasar Inklusif OKU atau *IIUM Disability Inclusion Policy* pada November 2018, dan keperluan pihak IPT menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar OKU telah dimaklumkan kepada semua IPT melalui amanat Y.B. Menteri Pendidikan pada 14 Januari 2019. Sehubungan itu, bagi memastikan pelajar OKU dapat menjalani pengajian dengan baik dan selesa di IPT, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengkaji semula Pelan Tindakan 2012. Maka dengan itu *Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT* ini telah dihasilkan agar dapat membantu pihak IPT mencapai matlamat Pendidikan Inklusif seperti yang dihasratkan.

➤ Tahun 2012:

Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengeluarkan arahan Pelaksanaan Pelan Tindakan untuk Meningkatkan Pengajaran dan Pembelajaran untuk Pelajar Kurang Upaya di semua Universiti Awam (Ruj: JPT (BHEPP) 1000/08/03 (18) bertarikh 8 Mei 2012)

Rujuk Lampiran 1

# TUJUAN



## TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan yang dibangunkan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada IPT merangka Pelan Tindakan Pelaksanaan *Dasar Inklusif OKU* secara sistematik dan komprehensif. Adalah diharapkan pelan tindakan tersebut dapat menghasilkan perkara-perkara berikut:

- 01** Mewujudkan infrastruktur mesra OKU yang menepati piawaian kod amalan rekabentuk sejagat, MS1184 (Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice) yang terkini
- 02** Menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif kepada semua kategori ketidakupayaan serta menepati rekabentuk sejagat (Univeral Design) pengajaran dan pembelajaran
- 03** Mewujudkan persekitaran berasaskan kasih sayang (love), hormat menghormati (respect) dan kegembiraan (happiness)
- 04** Menyediakan persekitaran kehidupan yang kondusif kepada semua kategori ketidakupayaan
- 05** Mewujudkan budaya komuniti yang prihatin dan peduli terhadap OKU
- 06** Memastikan penglibatan OKU secara inklusif dalam semua aktiviti dan program di dalam dan di luar kampus
- 07** Menyediakan program pembangunan kerjaya bagi OKU



# KATEGORI ORANG KURANG UPAYA





## KATEGORI ORANG KURANG UPAYA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JPWKL) telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya kepada tujuh (7) kategori utama ketidakupayaan seperti berikut:



## Kurang Upaya Pendengaran

Individu yang tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat 4 tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU pendengaran, iaitu:

- 1) **Minima (*Mild*)** - (20 - < 30 dB) (untuk orang dewasa)
- 2) **Sederhana (*Moderate*)** - (30 - < 60 dB)
- 3) **Teruk (*Severe*)** - (60 - < 90 dB)
- 4) **Sangat Teruk (*Profound*)** - (> 90 dB)

## Kurang Upaya Penglihatan

Individu yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad sama ada di sebelah atau di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. OKU penglihatan yang dimaksudkan boleh dibahagi kepada:

### 1) **Buta (*Blind*)**

Penglihatan kurang daripada 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 10 darjah daripada *fixation*;

### 2) **Penglihatan Terhad (*Low Vision/Partially Sighted*)**

Penglihatan lebih teruk daripada 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 20 darjah daripada *fixation*.

### Kurang Upaya Fizikal

Seseorang yang mengalami ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan fungsi atau tidak mempunyai satu anggota di mana-mana bahagian anggota badan termasuklah keadaan anggota yang tidak sempurna yang akan menjejaskan keupayaannya. Mereka yang termasuk dalam kategori ini ialah kerdil, kudung tangan atau kaki atau kedua-duanya, kudung ibu jari tangan, lumpuh, *spina bifida*, *muscular dystrophy* dan *cerebral palsy*. Bagi kekurangan (*impairment*) yang tidak menjejaskan fungsi seperti kudung satu jari, mempunyai enam (6) jari atau lebih dan tidak ada atau kurang sempurna cuping telinga tidak dikategorikan sebagai kurang upaya fizikal.

### Masalah Pembelajaran

Seseorang yang menghadapi masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini ialah lembam, sindrom *down*, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia*, *dyscalculia*, *dysgraphia*) dan kelewatan perkembangan global (*global developmental delay*).

### Kurang Upaya Pertuturan

Individu yang mengalami masalah pertuturan tetapi boleh mendengar.

### Kurang Upaya Mental

Seseorang yang menghadapi penyakit mental yang teruk namun telah menjalani rawatan atau telah didiagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam

masyarakat walaupun setelah menjalani rawatan psikiatri. Antara jenis-jenis penyakit mental tersebut adalah Skizofrenia, *Mood Disorder* dan *Organic Mental Disorder* yang serius dan kronik.

### Kurang Upaya Pelbagai

Individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan di bawah mana-mana lima (5) kategori lain yang sedia ada. Sebagai contohnya, seorang individu yang mengalami dua (2) jenis ketidakupayaan dari segi penglihatan dan pendengaran akan didaftarkan dalam kategori kurang upaya pelbagai.

**Sumber:** Dipetik dari *Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya*, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012.

# HALANGAN TERHADAP PENDIDIKAN INKLUSIF (*BARRIERS FOR INCLUSIVE EDUCATION*)





## **HALANGAN PENDIDIKAN INKLUSIF**

Tidak dapat dinafikan, terdapat pelbagai manfaat dalam pelaksanaan dasar pendidikan inklusif. Namun begitu, terdapat pelbagai halangan utama yang berpotensi menjejaskan pencapaian matlamat dasar ini. Antara halangan yang dikenal pasti ialah organisasi yang tidak dinamik, kekurangan alat bantuan teknologi dan persekitaran pembelajaran yang sukar diakses secara fizikal oleh pelajar berkerusi roda ataupun pelajar yang menggunakan alat bantuan berjalan (walker).

Antara halangan-halangan yang perlu diberi perhatian ialah seperti berikut:

- Halangan sikap
- Halangan fizikal
- Halangan komunikasi
- Halangan Sistemik/Organisasi

### **Halangan sikap**

Sikap masyarakat sememangnya sukar berubah, seperti kata pepatah Inggeris "*Old habits die hard*". Memandangkan dasar pendidikan inklusif ini merupakan inisiatif yang baharu, maka tidak hairanlah jika terdapat pelbagai halangan dan tentangan daripada sebahagian warga IPT yang mempunyai sikap prejudis terhadap pelajar-pelajar OKU dan menganggap mereka sebagai suatu beban. Jika sikap kurang sensitif, tidak bertimbang rasa dan kurang empati terhadap pelajar OKU ini dibiarkan berterusan, keadaan ini boleh membawa kepada diskriminasi dan seterusnya menggagalkan proses pembelajaran inklusif di IPT.

### **Halangan fizikal**

Penyediaan keperluan infrastruktur bagi pelajar OKU di IPT bukanlah baharu kerana telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, kebanyakan bangunan di IPT didapati tidak menepati piawaian Malaysian Standards MS1184 seperti yang digariskan di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Seksyen 34A) 1991.

Kegagalan mematuhi undang-undang yang sedia ada telah menyebabkan kesukaran kepada pelajar-pelajar OKU untuk mengakses bangunan dan kemudahan yang berkaitan

dengan proses pembelajaran dan kehidupan seharian mereka seperti perpustakaan, makmal, masjid, kafetaria, kemudahan sukan, kemudahan rekreasi, asrama kediaman, dewan kuliah, pejabat pensyarah, pejabat pentadbiran dan sebagainya. Di samping itu, halangan seperti ruang pintu yang sempit, tanjakan yang terlalu curam, laluan pejalan kaki yang menyukarkan dan tandas yang tidak mesra OKU juga memberi kesukaran kepada pelajar-pelajar OKU.

## **Halangan Komunikasi**

Kebanyakan masyarakat lebih memberi tumpuan kepada OKU fizikal berbanding OKU kategori lain tanpa menyedari bahawa OKU kategori yang lain turut memerlukan lebih khidmat sokongan berbanding OKU fizikal. Ketidakupayaan OKU kategori ini sukar dilihat melalui mata kasar (*invisible disability*) dan ini menyebabkan tenaga pengajar dan pentadbir IPT sering terlepas pandang keperluan golongan ini. Di samping itu, terdapat sebahagian tenaga pengajar dan pentadbir yang kurang kesedaran, keprihatinan dan pendedahan terhadap keperluan asas pengajaran dan pembelajaran serta penyaluran maklumat bagi golongan ini.

Sebagai contoh, proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak inklusif menyukarkan pelajar OKU penglihatan, pendengaran dan pembelajaran untuk memahami kandungan kuliah. Antaranya ketiadaan perkhidmatan penterjemah bahasa isyarat, bahan pengajaran tidak disediakan dalam format yang bersesuaian seperti braille, bahan bacaan elektronik yang tidak dapat dibaca oleh *screen reader* dan sebagainya.


## **Halangan Sistemik/Organisasi**

Halangan-halangan sistemik merangkumi dasar, prosedur dan amalan yang tidak fleksibel sehingga menimbulkan kesukaran kepada pelajar OKU semasa pengajian ataupun semasa penglibatan dalam aktiviti-aktiviti dan program-program di IPT. Kebiasaannya, halangan sistemik terjadi tanpa disedari. Sebagai contoh, program kursus yang memerlukan penuntut mengambil bilangan jam kredit yang banyak akan mendatangkan kesukaran kepada pelajar OKU penglihatan, pendengaran dan pembelajaran. Di samping itu, dasar yang meletakkan pengurusan OKU di bawah Unit Kebajikan Hal Ehwal Pelajar tidak dapat membantu sepenuhnya pihak pengurusan IPT dalam pelaksanaan pendidikan inklusif.

# PELAKSANAAN DASAR INKLUSIF OKU (*DISABILITY INCLUSION POLICY*)



## CARTA PELAKSANAAN DASAR INKLUSIF OKU



Sistem pendidikan yang dilaksanakan di IPT menggunakan penanda aras antarabangsa (*international benchmark*) dalam semua aspek merangkumi kurikulum, infrastruktur, kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, di dalam aspek pendidikan berkaitan golongan OKU, IPT dirasakan masih belum mencapai tahap penanda aras antarabangsa sepertimana yang dihasratkan. Masih banyak usaha yang perlu dilakukan oleh pihak IPT bagi mencapai matlamat pendidikan inklusif dalam erti kata sebenar.

Kementerian berharap dengan adanya Garis Panduan Dasar Inklusif OKU dan pelaksanaannya berdasarkan penanda aras antarabangsa, IPT di negara ini akan lebih berupaya melahirkan individu-individu OKU yang hebat dan terkenal di seluruh dunia seperti Stephen Hawking dan lain-lain di masa hadapan.

Untuk memastikan matlamat dasar pendidikan inklusif dapat dicapai sepenuhnya, antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh semua IPT adalah seperti berikut:

a. Perancangan Strategik

- Menyediakan perancangan strategik dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang komprehensif, praktikal dan boleh dilaksanakan.
- Menyediakan perancangan dan pelaksanaan *Mindset Transformation Program* kepada warga IPT supaya lebih peka dan empati terhadap keperluan warga OKU.

b. Unit Perkhidmatan OKU

- Mewujudkan unit perkhidmatan dan sokongan khusus untuk OKU (Unit Perkhidmatan OKU) bagi menyelaraskan segala keperluan mahasiswa OKU dan kakitangan OKU akademik dan bukan akademik.
- Bagi menentukan keperluan OKU diberi perhatian sewajarnya



Mindset  
Transformation  
Program



dan mengurangkan birokrasi pentadbiran, Unit Perkhidmatan OKU perlu diletakkan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor atau yang setara dengannya dan bukan diletakkan di bawah Unit Kebajikan Hal Ehwal Pelajar.

- Sebagai langkah segera, IPT disaran menggunakan perjawatan dalaman sedia ada bagi menubuhkan unit ini. Seterusnya untuk pelan jangka masa panjang, pihak IPT dikehendaki menyediakan kertas cadangan perjawatan baru bagi unit tersebut supaya mendapat kelulusan JPA.

Antara fungsi utama Unit OKU ialah seperti berikut:

- Mengumpul dan memproses maklumat pelajar, kakitangan dan pelawat OKU.
- Menjadi tempat rujukan utama berkaitan isu pelajar OKU dalam sebarang perkara, terutamanya yang melibatkan aspek akademik dan kemudahan serta menyediakan sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan individu.
- Menjadi tempat rujukan utama berkaitan isu kakitangan OKU dalam sebarang perkara, terutamanya yang melibatkan aspek kemudahan dan menyediakan sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan individu dalam membantu pembangunan kerjaya.
- Menjadi tempat rujukan utama berkaitan isu pelawat OKU dalam sebarang perkara, terutamanya yang melibatkan aspek kemudahan dan menyediakan sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan individu.
- Menjadi tempat rujukan yang menghubungkan pelajar dan kakitangan OKU yang memerlukan sokongan emosi dan psikologi kepada perkhidmatan yang bersesuaian.
- Menjadi pengantara dalam program pembangunan dan penyelidikan yang melibatkan pelajar dan kakitangan OKU.
- Melatih dan mengkoordinasi fungsi Pegawai Perhubungan OKU (*Disability Liaison Officer*) yang dilantik daripada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- Merangka dan melaksanakan program pengupayaan, pembangunan, dan pemerksaan pelajar dan kakitangan OKU.
- Memproses semua permohonan dan aduan daripada pelajar, kakitangan dan pelawat OKU. Merangka dan melaksanakan program-program kesedaran OKU kepada pelajar, kakitangan (akademik dan bukan akademik) dan pihak penyedia perkhidmatan di universiti.
- Tugas-tugas lain yang relevan.


### c. Persekitaran

#### i. Persekitaran fizikal

Persekitaran fizikal merupakan faktor utama yang menjadi halangan bagi pelajar OKU. Ini kerana tanpa kemudahan yang lengkap dan mesra OKU, pergerakan dan aktiviti pelajar OKU akan terbatas. Kemudahan seperti laluan *tanjakan*, tandas OKU dan tempat letak kereta diperlukan bagi membantu pergerakan pelajar. Tanpa infrastruktur mesra OKU seperti *susur* untuk pengguna berkerusi roda dan '*tactile guiding/warning block*' iaitu penunjuk jalan bagi orang buta akan menyukarkan pergerakan golongan OKU (Sam, 2010).

Oleh itu, persekitaran fizikal merupakan elemen yang amat penting dalam memudahkan akses bagi golongan OKU khususnya di persekitaran bangunan IPT. Ini kerana, kemudahan akses dan fasiliti mesra OKU yang tidak lengkap akan merendahkan motivasi dan semangat golongan pelajar OKU ini untuk belajar, sekaligus akan menjejaskan prestasi pencapaian akademik mereka. Kajian Egilson dan Troustadittir (2009) yang dijalankan di Iceland mendapati penyertaan pelajar kurang upaya di sekolah telah lama wujud, namun reka bentuk bagi kebanyakan bangunan sekolah masih lagi tertumpu kepada pelajar yang normal. Halangan fizikal yang sering wujud seperti jarak, penggunaan pintu yang tidak sesuai, kemas lantai, laluan bertekstur dan tanjakan masih tidak lengkap. Masalah tersebut telah menyebabkan pergerakan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti sekolah terbatas berikutan pergerakan yang tidak dijangka, halangan kelajuan dan jarak dan keterbatasan penglihatan. Justeru, persekitaran yang selesa dan infrastruktur mesra OKU akan membuatkan pelajar OKU lebih bermotivasi dan membantu pencapaian akademik pelajar.

Antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi menyediakan persekitaran fizikal yang mesra OKU ialah seperti berikut:



- Memastikan infrastruktur mematuhi *Malaysian Standard MS1184:2014 (atau yang terkini) on Universal Design and Accessibility in the Built Environment for Persons with Disabilities – Code of Practice*, seperti yang

termaktub di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Uniform Building by Law – UBBL) 1984 Pindaan 1991 Seksyen 34A.

- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan reka bentuk sejagat.
- Mengadakan pemantauan daripada pihak berkuasa dalam pembinaan infrastruktur asas yang selari dengan piawaian reka bentuk sejagat.
- Membangunkan perancangan pelan induk strategik pembangunan infrastruktur.
- Menyediakan rancangan naik taraf jangka pendek yang bersifat menyeluruh.
- Menyediakan prasarana pengangkutan awam yang mesra OKU.
- Menyediakan kemudahan sukan (termasuk peralatan) dan riadah yang mesra OKU.
- Menyediakan kemudahan perpustakaan, ICT dan kemudahan-kemudahan lain yang mesra OKU.

## ii. Persekitaran Sosial:

Terdapat lima pihak berkepentingan di pusat pendidikan tinggi yang wajar menyumbang untuk menghasilkan persekitaran sosial yang kondusif dan mesra OKU iaitu:

- Pengurusan atasan
- Kakitangan akademik
- Kakitangan pentadbiran
- Pelajar
- Penyedia perkhidmatan dalam IPT (in house service provider) seperti pengusaha kantin, bank, pejabat pos dan sebagainya.

Bagi memastikan persekitaran sosial yang kondusif dapat dihasilkan, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- Mengadakan program kesedaran OKU secara berkala sekurang-kurangnya setahun sekali kepada warga kampus.

- Memasukkan program kesedaran OKU sebagai sebahagian daripada atur cara semasa minggu orientasi mahasiswa pada setiap sesi pengambilan.
- Memasukkan program kesedaran OKU sebagai sebahagian daripada kandungan latihan induktif kepada kakitangan baru serta sedia ada.

### iii. Persekitaran Akademik:

Majoriti pensyarah adalah terdiri daripada golongan bukan OKU. Terdapat kemungkinan yang sebahagian daripada mereka kurang peka terhadap keperluan dan sensitiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelbagai kategori OKU.

Bagi menjamin golongan OKU dapat belajar dan bekerja dalam keadaan selesa, suatu mekanisma sistem sokongan bersepadu untuk pelajar dan kakitangan OKU mengikut keperluan individu perlu dilaksanakan:

#### 1. Pengajaran dan Pembelajaran:

- Mengadakan latihan asas dan lanjutan kepada semua kakitangan akademik bagi menerapkan prinsip reka bentuk sejagat bagi pembelajaran (*Universal Design in Learning*).
- Mengadakan kursus induksi reka bentuk sejagat bagi pembelajaran (*Universal Design in Learning*) kepada semua kakitangan akademik yang baru.
- Menyediakan video dan manual berkenaan keperluan khas pengajaran dan pembelajaran untuk rujukan kakitangan akademik.

#### 2. Pentaksiran & Penilaian:

- Melatih kakitangan akademik untuk memberi penyesuaian munasabah (*reasonable accommodation*) dalam pelaksanaan ujian dan penilaian.

#### 3. Peralatan dan Teknologi Pendidikan:

- Menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian mengikut keperluan individu pelajar OKU.

#### 4. Tempoh Pengajian Pelajar:

- Menyediakan kemudahan tempoh pengajian yang fleksibel dan tidak ditetapkan mengikut bilangan semester atau tahun pengajian mengikut keperluan pelajar OKU.

d) Alat Sokongan Peralatan:

Menyediakan alat bantuan dan sokongan yang bersesuaian kepada semua kategori OKU.

e) Keselamatan OKU dalam situasi kecemasan:

OKU terdiri daripada pelbagai kategori seperti pendengaran, penglihatan, fizikal, dan sebagainya. Ketika situasi kecemasan, OKU merupakan golongan yang amat berisiko tinggi khususnya apabila berdepan dengan cabaran yang amat sukar untuk keluar daripada tempat kecemasan dengan selamat dan cepat.

Bagi memastikan OKU dapat keluar ke tempat yang selamat dalam tempoh yang singkat, kemudahan yang ada perlulah bersesuaian dengan OKU dalam pelbagai kategori. Sebagai contoh, sistem penggera yang bersesuaian dengan OKU ketika situasi kecemasan, tempat berkumpul yang mudah diakses, serta kemudahan-kemudahan yang boleh mempercepatkan pergerakan untuk OKU.

Antara cadangan penambahbaikan ialah seperti berikut:

- Menambahbaik prosedur dan kemudahan berkaitan situasi kecemasan dan aspek keselamatan dengan mengambil kira keperluan OKU pelbagai kategori.
- Memberi pendedahan kepada OKU tentang tindakan yang perlu diambil semasa kecemasan.

f) Kaunseling dan Emosi OKU:

Situasi universiti berbeza daripada situasi di sekolah atau tempat tinggal. Perkara ini menuntut kekuatan emosi dan mental khususnya golongan OKU. Bagi menentukan golongan OKU tidak terganggu oleh perubahan ini, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:

- Mengadakan akses mesra OKU kepada perkhidmatan kaunseling.

- Menyediakan kaunselor yang mahir untuk mengendalikan klien OKU termasuk memberi khidmat nasihat dalam pembangunan kerjaya.

g) Pembangunan Industri, Peluang Pekerjaan dan Latihan Praktikal

- Menjalinkan perkongsian pintar bersama sektor swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU.
- Menyediakan khidmat nasihat kepada majikan dari segi keperluan pelajar atau graduan OKU di tempat kerja.

h) Kesihatan dan Sokongan Sosial

- Menyediakan perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial yang mesra OKU.

i) Kesukarelawanan

- Menggalakkan penyertaan OKU dalam badan-badan kesukarelawanan.
- Menggalakkan perkongsian strategik di antara persatuan-persatuan pelajar dan kelab pelajar OKU.



# PENUTUP



**Akses** kepada pendidikan tinggi merupakan hak asasi semua warganegara Malaysia, termasuk pelajar OKU. Kegagalan menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas untuk menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU merupakan suatu bentuk diskriminasi yang tidak seharusnya wujud di negara ini. Malaysia telah mengiktiraf hak pendidikan golongan OKU selaras dengan *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (UNCRPD) dan beberapa perjanjian antarabangsa yang diperakui oleh kerajaan Malaysia.

Sebagai seorang insan, setiap pelajar OKU **mempunyai perasaan dan cita-cita yang sama dengan pelajar lain untuk mempunyai kerjaya dan kehidupan yang baik.** Pengambilan pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian di IPT akan memberi **peluang pendidikan yang sama** rata dengan individu lain supaya mereka tidak berasa tersisih daripada arus pembelajaran nasional.

Kejayaan pelaksanaan Pendidikan Inklusif bukan hanya bergantung kepada kesedaran dan kefahaman terhadap keperluan pelajar OKU, tetapi juga memerlukan perasaan empati yang tinggi terutama di kalangan pentadbiran tertinggi IPT yang bertanggungjawab merangka pelan pembangunan pendidikan inklusif (*Disability Inclusion Blueprint*) di IPT masing-masing. Pelan pembangunan tersebut perlu mengambilkira langkah-langkah penyelesaian daripada **pelbagai halangan** merangkumi halangan fizikal, informasi/komunikasi, halangan sistemik/organisasi dan halangan sikap, yang merupakan halangan terbesar bagi pelajar OKU menikmati pendidikan inklusif dalam ertikata sebenar.

Sebagai sebuah negara yang mengutamakan *International Best Practice* dalam sistem pendidikan inklusif, semua IPT di Malaysia perlu menggunakan *International Best Practice* dalam merangka, menggubal dan melaksanakan segala pelan tindakan berkaitan pendidikan inklusif. Semoga garis panduan ini dapat membantu IPT merangka dan melaksanakan persekitaran dan komuniti kampus yang inklusif bagi OKU.

## LAMPIRAN 1

### PELAN TINDAKAN 2012: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) 2011-2015

#### OBJEKTIF STRATEGIK 1: MENYEDIAKAN AKSES YANG BERSESUAIAN BAGI MENJAGA HAL EHWAL PELAJAR OKU DI IPT

BIL	STRATEGI	PROGRAM / TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA
1	Mewujudkan 1 unit khusus untuk menjaga hal ehwal bagi pelajar Orang Kurang Upaya (OKU)	Mewujudkan 1 unit PELAJAR OKU di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)  Fungsi Unit PELAJAR OKU di KPT adalah untuk: -  1. Merancang dasar pendidikan (contoh: kelayakan masuk khas) dan hal ehwal PELAJAR OKU (contoh: kemudahan penginapan dan pengajaran dan pembelajaran) PELAJAR OKU  2. Menyelaras dan mengawal selia program pendidikan dan hal ehwal PELAJAR OKU  3. Memantau pelaksanaan dasar pendidikan dan kebajikan PELAJAR OKU  4. Membantu permohonan biasiswa dan peruntukan Khas PELAJAR OKU sepanjang pengajian di IPT  5. Mengurus program pembangunan kerjaya graduan OKU di IPT  6. Menyediakan khidmat nasihat berkaitan kebajikan PELAJAR OKU  7. Merancang program latihan kepakaran pendidikan khas (dalam dan luar negara) bagi pensyarah IPT	KPT

		<p>8. Membangun pangkalan data PELAJAR OKU (contoh: data pelajar OKU-sumber: IPT/MyMoheS; data graduan (sumber data Kajian Pengesanan Graduan KPT (<i>Tracer Study</i>, KPT)</p> <p>9. Menyebarkan maklumat berkaitan OKU dari semasa ke semasa menerusi laman sesawang KPT</p> <p>10. Menyelaras Pengiktirafan Khas kepada PELAJAR OKU cemerlang di peringkat kebangsaan</p> <p>11. Menyediakan tempat bagi PELAJAR OKU untuk menjalankan latihan industri di IPT bagi persediaan memenuhi Pekeliling JPA Bilangan 16 Tahun 2010 serta menyediakan peruntukan elaun khas bagi tujuan tersebut</p>	
		<p>Mewujudkan 1 unit PELAJAR OKU di peringkat IPT</p> <p>Fungsi unit PELAJAR OKU di IPT ialah untuk: -</p> <p>1. Mengurus dan menyelaras hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan PELAJAR OKU dengan pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ)</p> <p>a) Kemudahan peralatan pengajaran dan pembelajaran seperti: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pita rakaman</li> <li>• Braille</li> <li>• Perisian khas (seperti <i>JAWS; Window Eye; Voice Over, Screen Reader</i>)</li> </ul> <p>b) Kemudahan bilik kuliah/tutorial/makmal/studio berdasarkan spesifikasi dalam Malaysian Standard MS 1183:1990 dan Malaysian Standard MS 1184:2002 serta Malaysian Standard MS 1331:2003)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanjakan aras</li> </ul>	IPT

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lif</li> <li>• Kerusi / meja khas</li> <li>• Kerusi roda (jika dan bila diperlukan)</li> <li>• Tandas Khas (merangkumi ruang tandas, pemasangan tandas dan grab bars)</li> <li>• Tempat letak kereta khas PELAJAR OKU (ditanda OKU)</li> <li>• Kafeteria / kantin</li> <li>• Tangga dan akses-akses tegak lain (<i>vertical access</i>)</li> <li>• Ruang Laluan (<i>Circulation Space</i>)</li> <li>• Kemasan Luar dan dalam bangunan (<i>Guiding Blocks</i>)</li> </ul> <p>c) Bilik Sumber khas bagi PELAJAR OKU – bahan rujukan yang mesra PELAJAR OKU dan rak buku khas yang mudah dicapai</p> <p>2. Kurikulum Khas dalam sistem pengajian di IPT bagi PELAJAR OKU</p> <p>a) Metodologi/pedagogi yang disediakan harus disesuaikan mengikut ketidakupayaan PELAJAR OKU</p> <p>3. Panduan dan tatacara bayaran yuran pengajian</p> <p>a) Penyelarasan diskaun yuran pengajian untuk pelajar PELAJAR OKU di IPT</p> <p>4. Menguruskan hal ehwal kebajikan dan keselamatan PELAJAR OKU</p> <p>a) Kemudahan Pengangkutan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bas/van yang mesra PELAJAR OKU Seperti van yang dilengkapi dengan sistem hidraulik bagi memudahkan</li> </ul>	
--	--	---	--

		<p style="text-align: center;">PELAJAR OKU berkerusi roda</p> <p>b) Kemudahan Kolej Kediaman yang mesra PELAJAR OKU</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seperti bilik/dewan makan/tandas/ mesin basuh/ampaian baju dan pejabat pentadbiran, telefon kecemasan di dalam tandas dan ruang tidur, rak buku khas mudah dicapai, perabot berciri ergonomic dan mesra OKU</li> <li>• Tanjakan Aras</li> <li>• Lif</li> <li>• Kerusi roda (jika dan bila diperlukan)</li> <li>• Ruang menurunkan penumpang khas untuk PELAJAR OKU dan penyediaan akses di pintu masuk utama</li> <li>• Tangga dan akses tegak (<i>vertical access</i>) dengan kemas anti gelincir dan mempunyai susur tangan di kedua-dua belah anak tangga</li> <li>• Ruang laluan (<i>circulation space</i>) seluas 1.2 meter lebar (tanpa halangan bangunan seperti <i>guiding blocks</i> (untuk kemudahan PELAJAR OKU cacat penglihatan)</li> <li>• Tanda lorek berwarna (block tactile) perlu diletak di bahagian atas dan bawah tanjakan khusus untuk PELAJAR OKU cacat penglihatan</li> <li>• Tanda arah, tanda amaran dan simbol (mematuhi piawaian antarabangsa dari segi saiz, lokasi dan jenis hendaklah digunakan)</li> <li>• Sistem siar raya dan tanda amaran perlu daripada jenis yang boleh didengar (seperti suara dan siren) dan dilihat (seperti lampu amaran, warna terang dan sebagainya)</li> </ul> <p>5. Menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi</p>	
--	--	--	--



		<p>yang mesra PELAJAR OKU serta membuka peluang untuk terlibat aktif dalam sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa (seperti gimnasium mesra OKU, lapangan sukan paralimpik, padang memanah mesra OKU dan rekreasi lain yang bersesuaian dengan OKU)</p> <p>6. Menyediakan khidmat nasihat kaunseling kerjaya kepada PELAJAR OKU</p> <p>7. Merancang program pembangunan diri PELAJAR OKU</p>	
2	Menyediakan biasiswa, peruntukan asas dan pengiktirafan kepada PELAJAR dan GRADUAN OKU	<p>Menyediakan beberapa insentif dan inisiatif khas kepada PELAJAR OKU termasuklah: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyelaras dan memantau penyaluran biasiswa khas bagi PELAJAR OKU sepanjang pengajian di IPT</li> <li>2. Menyelaras dan memantau peruntukan khas yang disediakan bagi membiayai pembelian dan penyelenggaraan kerusi roda dan kemudahan-kemudahan lain serta keperluan sokongan PELAJAR OKU</li> <li>3. Pengiktirafan: - <ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Graduan OKU Terbaik (pelbagai kategori. Sebagai contohnya: Anugerah Emas DiRaja PELAJAR OKU)</li> <li>• Anugerah kepada PELAJAR OKU yang cemerlang dalam aktiviti sukan di peringkat IPT (contoh: SUKMUM), di peringkat universiti (contoh: MASUM) dan di peringkat antarabangsa (contoh: sukan paralimpik)</li> </ul> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul>

**OBJEKTIF STRATEGIK 2: MEMANTAPKAN KUALITI HIDUP PELAJAR OKU AGAR MEREKA TIDAK BERASA TERPINGGIR DALAM MASYARAKAT**

BIL	STRATEGI	PROGRAM / TINDAKAN	AGENSI
-----	----------	--------------------	--------

			<b>PELAKSANA</b>
1.	Memantapkan perkhidmatan sistem sokongan kepada PELAJAR OKU di IPT	<p>1. Taklimat kepada warga IPT untuk meningkatkan kesedaran serta kepekaan terhadap PELAJAR OKU dan kemudahan yang disediakan khusus untuk mereka: -</p> <p>a) Minggu Orientasi Pelajar</p> <p>b) Karnival PELAJAR OKU di peringkat IPT</p> <p>c) Program-program kesedaran yang lain</p> <p>2. Program Pembangunan Kendiri PELAJAR OKU: -</p> <p>a) Bengkel Pembangunan Sahsiah Diri</p> <p>b) Pembangunan Profil Personaliti dan Kerjaya PELAJAR OKU</p> <p>c) Bengkel Pra Pekerjaan</p> <p>d) Program Bersama Graduan</p> <p>e) OKU yang berjaya</p> <p>f) Program Bersama Industri dan Bakal Majikan</p> <p>3. Sistem sokongan dalam kalangan rakan sebaya (seperti Persatuan Mahasiswa Istimewa, Rakan Siswa, Sukarelawan)</p> <p>4. Kemudahan penginapan dan waktu melawat yang fleksibel (kepada ahli keluarga /penjaga) di IPT bagi OKU yang tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan penukaran posisi tubuh badan (contoh: <i>Cerebral palsy</i> dan <i>Spinal cord injury</i>) bergantung kepada ketidakupayaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>• Kementerian Kesihatan Malaysia</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>

		<p>5. Menubuhkan pusat sehenti (one stop centre) yang beroperasi 24 jam beserta pegawai perhubungan di kaunter informasi khas untuk PELAJAR OKU</p> <p>6. Menyediakan talian bantuan (<i>helpline</i>) khas</p> <p>7. Mewujudkan piagam pelanggan yang mesra PELAJAR OKU</p>	
2	Memantapkan perkhidmatan kesihatan kepada PELAJAR OKU	<p>Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mesra PELAJAR OKU: -</p> <p>a) Perkhidmatan kesihatan berjadual beserta kemudahan pengangkutan dan pengiring</p> <p>b) Hari Kesihatan IPT</p> <p>c) Menyediakan perkhidmatan bilik terapeutik untuk melepaskan tekanan (contoh: bilik sensori <i>snoezelen</i> dan <i>multi-sensory</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Kementerian Kesihatan Malaysia</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>
3	Meningkatkan pengetahuan mengenai keselamatan diri	<p>Bengkel dan Taklimat Kesedaran Keselamatan PELAJAR OKU: -</p> <p>a) Pencegahan Jenayah</p> <p>b) Pencegahan Eksploitasi</p> <p>c) Keselamatan Asas Kebakaran dan Pencegahan</p> <p>d) <i>Risk Assessment and Emergency Response Management</i></p> <p>e) Jaringan Rapat Bersama Rakan Cop</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Polis Diraja Malaysia</li> <li>• Bomba Dan Penyelamat</li> <li>• Rakan Cop</li> <li>• Jabatan Penjara Malaysia</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>
4	Meningkatkan Penyertaan PELAJAR OKU dalam Interaksi Sosial	<p>Melibat dan meningkatkan penglibatan PELAJAR OKU secara langsung dengan masyarakat menerusi tindakan berikut: -</p> <p>a) Menyediakan program dan aktiviti integrasi yang melibatkan PELAJAR OKU bersama warga kampus dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>

		<p>masyarakat seperti program kemasyarakatan, sukan dan rekreasi, akademik, kerohanian dan kebudayaan</p> <p>b) Mewajibkan penubuhan Persatuan Mahasiswa PELAJAR OKU di semua IPT</p> <p>c) Menyediakan program pertukaran pelajar PELAJAR OKU ke IPT tempatan dan luar negara</p> <p>d) Menetapkan satu wakil daripada PELAJAR OKU sebagai EXCO dalam Majlis Perwakilan Pelajar (wakil tetap dan lantikan khas)</p>	
--	--	--	--

**OBJEKTIF STRATEGIK 3: MEWUJUDKAN PERSEKITARAN, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG MESRA PENGGUNA BAGI PELAJAR OKU DI IPT**

<b>BIL</b>	<b>STRATEGI</b>	<b>PROGRAM / TINDAKAN</b>	<b>AGENSI PELAKSANA</b>
1	Membangunkan	Menyediakan kemudahan yang bersesuaian dan	• KPT

	<p>dan mereka bentuk penginapan yang berupaya melindungi keselamatan PELAJAR OKU</p>	<p>menepati pawai dan spesifikasi yang ditetapkan dalam Malaysian Standard MS 1183:1990 dan Malaysian Standard MS 1184:2002 serta Malaysian Standard MS 1331:2003</p> <p>Kemudahan yang disediakan merangkumi: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tandas / bilik air bersesuaian</li> <li>b) Tangga yang mempunyai pemegang</li> <li>c) Palang dan Tanjakan</li> <li>d) Longkang bertutup</li> <li>e) Tiada halangan di laluan utama</li> <li>f) Papan tanda arah dan maklumat</li> <li>g) Lampu kecemasan</li> <li>h) Ketinggian ampaian yang bersesuaian</li> <li>i) Suis dan plug sesuai dengan ketinggian</li> <li>j) Kelebaran pintu</li> <li>k) Kepala paip yang berbentuk "lever" (tuas)</li> <li>l) PELAJAR OKU fizikal perlu ditempatkan di aras bawah setiap bangunan</li> <li>m) Nombor bilik menggunakan Braille</li> <li>n) Ruang rehat/santai perlu disediakan di setiap aras</li> <li>o) Tempat meletakkan kenderaan untuk PELAJAR OKU</li> <li>p) Penginapan PELAJAR OKU mesti berhampiran dengan fakulti masing-masing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IPT</li> </ul>
--	--	---	---

2	Meningkat dan menambah baik prasarana kampus yang lebih kondusif dan mesra PELAJAR OKU	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Longkang bertutup</li> <li>2. Loop untuk PELAJAR OKU (pendengaran)</li> <li>3. Lampu kecemasan berbunyi dan menyala dipasang di dalam bilik /dewan kuliah</li> <li>4. <i>Tactile</i>, palang dan tanjakan di tempat yang strategik seperti bangunan pentadbiran, dewan kuliah, klinik, kantin, pejabat pos, sukan dan rekreasi, koperasi, perpustakaan, hentian bas</li> <li>5. Papan tanda arah dan maklumat yang tepat</li> <li>6. Lampu isyarat yang mempunyai isyarat berbunyi</li> <li>7. Lif yang menggunakan audio dan braille</li> <li>8. Laluan tanpa halangan</li> <li>9. Skrin besar dan sistem siar raya di dewan kuliah</li> <li>10. Mana-mana IPT yang mempunyai pelajar cacat pendengaran memerlukan jurubahasa</li> <li>11. Kemudahan sukan dan rekreasi perlu mengambil kira dan mesra PELAJAR OKU</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> </ul>
3	Menyediakan akses kepada laman sesawang, perkhidmatan dan pencarian bahan rujukan bagi membantu peningkatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan akses yang diperlukan di kampus: - <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Perkhidmatan kaunter mesra PELAJAR OKU</li> <li>b) Bilik bacaan untuk PELAJAR OKU</li> <li>c) Tandas mesra OKU</li> <li>d) Ketinggian kerusi yang boleh dilaras</li> <li>e) Teks wajib perlu disediakan dalam</li> </ol> </li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> </ul>



	PELAJAR OKU dalam proses pengajaran dan pembelajaran	<p>bentuk CD bersuara atau buku braille</p> <p>f) Perkhidmatan sukarelawan untuk PELAJAR OKU</p> <p>g) Mesin pengimbas dengan perisian open book</p> <p>h) Perisian JAWS</p> <p>i) Lif yang mesra PELAJAR OKU</p> <p>j) Perkhidmatan perpustakaan untuk PELAJAR OKU</p> <p>k) Lampu kecemasan</p> <p>l) Papan tanda maklumat yang jelas</p>	
4	Meningkatkan kemudahan dan akses kepada teknologi komunikasi bagi memenuhi keperluan PELAJAR OKU di kampus	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laman sesawang yang mesra PELAJAR OKU</li> <li>2. Bilik komputer yang mesra PELAJAR OKU</li> <li>3. Komputer yang menggunakan perisian JAWS</li> <li>4. Plug dan suis pada ketinggian yang bersesuaian</li> <li>5. Kakitangan yang berkebolehan dalam penyelenggaraan perisian khas</li> <li>6. Laman sesawang yang mempunyai pilihan untuk teks sahaja</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>

**OBJEKTIF STRATEGIK 4: PEMBENTUKAN PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR OKU KE ARAH LALUAN KERJAYA MASA HADAPAN YANG LEBIH TERJAMIN**

BIL	STRATEGI	PROGRAM / TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA

1	Membangunkan program pembangunan dan persediaan yang lengkap bagi PELAJAR OKU sebelum melangkah ke alam kerjaya	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membangunkan beberapa program penting yang bersesuaian dengan PELAJAR OKU sebagai persediaan dalam menghadapi alam pekerjaan: - <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pembangunan sendiri (aspek psikologi)</li> <li>b) Penyediaan diri (kemahiran insaniah)</li> <li>c) Persiapan kerjaya</li> <li>d) Penulisan resume</li> <li>e) Keterampilan diri</li> <li>f) Persediaan menghadapi temuduga</li> <li>g) Pendedahan awal tentang isu dan cabaran di tempat kerja</li> </ol> </li> <li>2. Menyediakan program pembangunan keusahawanan sebagai kerjaya alternatif</li> <li>3. Menjalinkan perkongsian pintar dengan semua sektor pekerjaan (Industri, Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM)) dalam latihan industri dan penempatan pekerjaan serta mengetengahkan potensi PELAJAR OKU dalam kerjaya</li> <li>4. Mewujudkan pengkalan data laman sesawang agar maklumat peluang pekerjaan dapat dihebahkan kepada pelajar OKU</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPT</li> <li>• IPT</li> <li>• Kementerian Sumber Manusia</li> <li>• Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Awam</li> <li>• NGO Berkaitan</li> </ul>
---	---	---	---

		<p>5. Mewujudkan Pegawai Penempatan Pekerjaan (Liaison Officer) di setiap IPT yang terlatih dan memahami bidang kerjaya (<i>Job Coach</i>)</p> <p>6. Mewujudkan kursus kamahiran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan PELAJAR OKU di kolej komuniti dan politeknik</p>	
--	--	--	--

